

03 MAR 1997

Mahathir-lanskap

DR MAHATHIR MAHU ASPEK LANSKAP DISYARATKAN DALAM PROJEK PEMBANGUNAN

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan supaya mensyaratkan aspek lanskap disediakan dalam setiap projek pembangunan bagi mencapai matlamat menjadikan Malaysia "negara hijau".

Sambil meminta kedua-duanya menanggapi isu lanskap dengan lebih serius, Perdana Menteri berkata peraturan dan akta yang berkaitan dengan lanskap mesti diadakan.

Ketika berucap melancarkan kempen menanam pokok seluruh negara di Taman Rekreasi Medan Idaman di jalan Gombak di sini, beliau berkata kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan harus memastikan rizab lanskap untuk tanaman pokok disediakan di tepi-tepi jalan.

"Ini bagi mengelak pemusnahan pokok yang kerap berlaku akibat kerja lebaran jalan dan penyediaan talian utiliti," katanya.

Dr Mahathir berkata pemilik tanah lapang yang tidak digunakan umpama di tepi jalan raya dan sungai perlu menanam pokok sebagai punca bekalan pokok "segera".

Jika pemilik tanah sama ada pihak berkuasa tempatan, kerajaan atau swasta tidak berminat, mereka hendaklah membenarkan pihak yang berminat menggunakan tanah mereka untuk menanam pokok dengan bayaran nominal sahaja untuk tanah, katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, pihak berkuasa tempatan hendaklah mengenakan bayaran atau denda tertentu kepada pemilik tanah yang enggan memberi kebenaran tetapi membiarkan tanah mereka dipenuhi tumbuhan yang tidak sempurna, menjadi tempat membuang sampah atau diduduki setinggan.

"Keindahan dan keselesaan merupakan keperluan asas bagi masyarakat Malaysia yang semakin makmur dan canggih," katanya.

Untuk itu, piawaian dan syarat khusus bagi penyediaan kawasan lapang dan penanaman pokok perlu diadakan dan dipatuhi.

Selain kawasan perumahan, beliau berkata kawasan bandar, kawasan pelancongan dan kawasan industri perlu diberi penekanan untuk dilanskap dan diindahkannya.

"Tugas untuk menjadikan Malaysia "negara hijau yang indah" bukanlah tanggungjawab yang harus dipikul oleh kerajaan semata-mata kerana ia juga tanggungjawab bersama semua pihak," katanya pada majlis itu yang disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Dr Mahathir menyeru sektor korporat dan orang perseorangan untuk membantu menaja lampu-lampu dan program lanskap di bandar dan kampung di seluruh negara.

Syarikat-syarikat bekalan elektrik termasuk penjana kuasa persendirian (IPP) hendaklah memberi sumbangan kepada lampu hiasan sama ada melalui tarif yang rendah atau dengan membayar tarif kepada Tenaga Nasional yang menjadi pembekal tunggal.

Dr Mahathir berkata industri lanskap di negara maju telah berkembang pesat dan mereka telah menggunakan unsur-unsur kecantikan dan keselesaan hidup sebagai komponen penting untuk menarik pelabur dan pelancong.

Kempen itu diadakan selaras hasrat kerajaan menjadikan Malaysia "Negara Taman" menjelang tahun 2005. Buat permulaan, kempen itu yang turut dilancarkan di negeri-negeri hari ini, menetapkan sasaran sebanyak 3 juta pokok yang perlu ditanam di seluruh negara menjelang tahun 2000.

Dr Mahathir turut menanam pokok "Merawan siput jantan" (*Hopea odorata*). Taman rekreasi itu merupakan tapak kilang memproses getah Lee Rubber dan ia

dipilih untuk pelancaran kempen kerana merupakan contoh pembangunan lanskap yang baik.

Perancangan yang bijak telah dapat mengubah kawasan itu yang dulunya mempunyai pencemaran bau menjadi kawasan yang mempunyai suasana kehijauan yang nyaman.

Ketika ditanya pemberita kemudian mengenai syarat lanskap untuk pembangunan itu, Dr Mahathir berharap buat permulaan semua pemaaju perumahan akan mengambil ingatan mengenai perkara itu.

"Mula-mula kita cuma cadang saja tapi kalau nampak tak ada 'response' (sambutan) kita mungkin jadinya compulsory (wajib)," katanya.

Ketika ditanya mengenai kawasan membabitkan projek seperti sistem transit ringan (LRT) perlu diganti, Dr Mahathir berkata jika pokok perlu ditebang, ia hendaklah ditanam semula, walaupun tidak di kawasan itu, di tempat lain.

Ketika ditanya sama ada matlamat kempen itu boleh dicapai, beliau berkata ia boleh dicapai kerana tanpa kempen seperti itu, pokok-pokok akan kehabisan.

Perdana Menteri berkata pokok-pokok yang mempunyai kayu bermutu kini ditanam di lebuh raya bukan saja untuk meredupkan kawasan tetapi kerana nilai kayu yang tinggi sebagai sumber pendapatan tambahan.

Menjawab soalan, beliau berkata Malaysia tidak perlu menjadi hutan batu seperti yang dialami oleh negara-negara maju.

"Kita dah tengok negara-negara lain ini menjadi concrete jungles dan kita tak jadi macam itu. Sebab itu kita menyuruh semua tempat menanam pokok.

"Di sesetengah negara, dia pasang steel plates (penghadang besi) bagi mengelak kilauan dari kenderaan dari arah depan tetapi kita tanam pokok, yang lebih cantik dan berfungsi sebagai pembahagi jalan dan lebih murah lagi daripada pasang steel plates," katanya. -- BERNAMA

AZZ MAI